

SULIT
012
Bahasa
Melayu
September
2006

1 $\frac{1}{4}$ jam

012

NO. KAD PENGENALAN/NO. SURAT BERANAK

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH 2006



012 - BAHASA MELAYU

Satu jam lima belas minit



JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.*
3. *Bagi Bahagian B, kamu boleh memilih sama ada menjawab Soalan 1, Soalan 2 atau Soalan 3.*
4. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas soalan.*


Kod Pemeriksa :		
Bahagian	No. Soalan	Markah
A		
B		
C		
JUMLAH		60

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[Masa dicadangkan : 15 minit]

[10 markah]

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang gambar di bawah.

Bahagian B

[Masa dicadangkan : 40 minit]

[30 markah]

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 80 patah perkataan**.

- 1 Penjagaan kesihatan diri sangat penting kepada kita.
Tulis karangan tentang cara-cara menjaga kesihatan diri.

ATAU

- 2 Kamu diminta untuk menyampaikan ucapan dalam majlis meraikan kejayaan kamu dalam satu pertandingan.
Tulis ucapan kamu selengkapnya.

ATAU

- 3 Kamu sedang berbual dengan seorang rakan tentang lawatan yang akan kamu sertai.
Tulis perbualan kamu itu.

Bahagian C

[Masa dicadangkan : 20 minit]

[20 markah]

Tulis **lima** pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Panjang jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Nani murid yang sentiasa mengambil berat tentang pelajarannya. Pada masa yang sama dia mempunyai pelbagai hobi. Mengumpul setem adalah antara hobi yang paling digemarinya. Dia memiliki lima buah album setem yang disimpan di dalam almari yang berkunci. Setem-setem yang dikumpulkannya diperolehi daripada beberapa buah negara. Nani bertukar-tukar setem dengan kawan-kawan sekolahnya dan sahabat pena dari negeri-negeri di Malaysia dan luar negara. Kini, dia memiliki pelbagai setem dan mempunyai ramai kawan. Melalui hobinya, Nani dapat mengetahui berbagai-bagai maklumat tentang negara luar seperti mata wang, kebudayaan, makanan dan pemimpin negara. Dia amat gembira kerana hobinya mendatangkan banyak faedah. Di samping itu, dia dapat mengelakkan dirinya daripada terlibat dengan perkara-perkara yang tidak bermanfaat dan membuang masa.